

Bagaimana Samy tahu? Tanya peguam kepada KP BPR
Malaysiakini.com
May 18, 2007
RK Anand

Peguam K Saraswathy telah mengemukakan beberapa dokumen kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 2004 untuk membantu siasatan berhubung isu saham Maika Holdings.

Sewaktu perhimpunan agung MIC hujung minggu lalu, Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu memberitahu para hadirin bahawa "seorang wanita telah menulis surat mengadu mengenai saya kepada BPR".

Samy yang juga Menteri Kerjaraya mengenalpasti orang itu sebagai seorang peguam di Kuala Lumpur tetapi tidak menyebut namanya.

"Bagaimana beliau tahu identiti saya?" Itulah yang dipersoalkan oleh Saraswathy sekarang.

Dalam sepucuk surat kepada Ketua Pengarah BPR yang baru, Datuk Ahmad Said Hamdan semalam, peguam itu meminta penjelasan bagaimana maklumat tersebut boleh bocor.

"Piagam pelanggan BPR menyatakan identiti mereka yang memberi maklumat akan dilindungi," katanya dalam surat tersebut. Salinan surat itu turut dihantar kepada malaysiakini.

"Badan itu juga mempunyai kod etika untuk merahsiakan perkara berkaitan dengannya," tambahnya.

Dalam suratnya itu, Saraswathy berkata, perbuatan yang melanggar janji-janji tersebut akan menjejaskan integriti BPR dan keyakinan rakyat terhadapnya.

"BPR bukan sahaja diamanahkan untuk membasmi rasuah, tetapi juga tanggungjawab untuk meyakinkan rakyat mengenai tekadnya untuk memerangi gejala itu.

"Tetapi mereka yang mendengar ucapan Samy Vellu (di perhimpunan agung MIC) di mana beliau mendedahkan maklumat yang sepatut sulit itu, akan menganggap BPR sebagai boneka kepada mereka yang berkuasa," katanya.

Kes belum tutup

Saraswathy juga bertanya kepada Ahmad Said mengenai status siasatan BPR terhadap peruntukan 10 juta saham Telekom kepada Maika Holdings - badan pelaburan MIC.

"Saya ingin tahu apakah Samy Vellu telah disoal ekoran banyak aduan yang dibuat terhadapnya," katanya.

Dalam suratnya itu, Saraswathy juga mendedahkan bahawa beliau telah mengemukakan maklumat secara lisan dan bertulis kepada ibupejabat BPR di Putrajaya dan Kuala Lumpur berhubung perkara tersebut.

Beliau juga mempertikaikan kenyataan Samy Vellu bahawa BPR telah membersihkannya daripada tuduhan tersebut.

Ketika dihubungi hari ini, Saraswathy berkata, presiden MIC itu mesti menjawab tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadapnya.

"Beliau mesti menjawab aduan-aduan tersebut dan bukannya mensasarkan mereka yang membuat aduan. Beliau telah membuat contoh yang tidak baik kepada penggantinya," katanya.

Saraswathy juga menafikan telah menulis banyak surat kepada BPR berhubung isu Maika Holdings seperti yang didakwa oleh Samy Vellu,

"Walaupun beliau tidak menyebut nama saya (di perhimpunan MIC itu), tetapi beliau berkata saya adalah seorang peguam dari Kuala Lumpur dan orang tahu itu adalah saya.

"Ramai yang telah menghubungi saya dan menasihatkan saya supaya berhati-hati. Bagaimanapun, saya tidak menerima sebarang ancaman," kata peguam itu.

Presiden MIC itu telah menyatakan berulang kali bahawa kes terhadapnya telah ditutup. Ahmad Said tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan komennya.

SARASWATHY KANDASAMI
Peguambela Peguamcara
Beramal di Tetuan S. Kandasami & Co
Di No 20A, Jalan Ipoh Kecil
Off Jalan Ipoh
50350 Kuala Lumpur

Tel: 03-40446399
Fax: 03-40447399

Tarikh: 17.05.2007

DAYU AHMAD SAID HAMDAN
Ketua Pengarah
Ibu Pejabat
Badan Pencegah Rasuah Malaysia
Block D6, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Peti Surat 6000
62007 Putrajaya

03-8887004
FAX 03-8887962
NA 241

Tuan/Puan,

**PER: PERCAKAPAN DATUK SERI S. SAMY VELLU DI PERHIMPUNAN
AGUNG MIC KE-61 BERKENAAN ADUAN MENGENAENYA KEPADA
BADAN PENCEGAH RASUAH ("BPR")**

Saya dengan hormatnya mengucapkan tahniah atas perantikan Datuk sebagai Ketua Pengarah BPR mulai 14.5.2007. Saya sesungguhnya berharap dan juga mempunyai kepercayaan bahawa Datuk akan berusaha untuk meningkatkan lagi kecakapan, profesionalisme dan kecekmatan BPR dan akan terus berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti BPR.

2. Saya ingin memujuk kepada perkara diatas dan membawa kepada perhatian Datuk bahawa baru-baru ini di Perhimpunan Agung MIC Ke-61, Presiden Huru MIC Datuk Seri S. Samy Vellu yang juga merupakan Menteri Kerjaya telah bertutap di hadapan sidang majlis dengan lantang dan seolah-olah menyatakan bahawa **"ada seorang perempuan yang tidak kerja lain, saban hari menulis surat kepada Badan Pencegah Rasuah mengadu mengenainya (Samy Vellu). Perempuan tersebut bukan sesiapa tetapi adalah seorang pegawai di Kuala Lumpur"**

3. Salah satu Piagam Pelanggan BPR yang diumumkan kepada orang ramai adalah identiti pemberi maklumat kepada BPR akan dirahsiakan. BPR turut mempunyai suatu kod etika untuk merahsiakan maklumat jabatan.

4. Sekiranya BPR berpegang teguh kepada piagam pelanggan yang kod etikanya seperti yang diuraikan diatas, saya dengan rendah diri ingin tahu bagaimanaakah identiti dan/atau butir-butir seperti yang diungkapkan oleh Samy Vellu di Perhimpunan Agung MIC boleh sampai kepada pihak yang

AGI, NO. 1209/2007
Sambutan: 17.05.2007
Date: 17.05.2007
Time: 10:22:14 AM '07